

31/07/2001

21 tahun layak mengundi secara automatik

KUALA LUMPUR, Isnin - Semua rakyat Malaysia berusia 21 tahun secara automatik akan didaftarkan sebagai pengundi apabila Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2001 diluluskan Dewan Rakyat.

Pindaan terhadap Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan yang dicadangkan membolehkan pendaftaran pengundi dibuat terus dengan kerjasama Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim, membentangkan rang undang-undang itu untuk bacaan kali pertama di Dewan Rakyat hari ini dan dijangka dibentangkan bagi bacaan kedua dan dibahaskan esok.

Bercakap pada sidang akhbar selepas Majlis Taklimat Isu Semasa kepada Pegawai Jabatan Penerangan di Perpustakaan Negara, di sini hari ini, beliau berkata pindaan itu dibuat dengan mengambil kira kewibawaan serta imej SPR sebagai badan bebas.

Selain itu, pindaan rang undang-undang berkenaan turut membabitkan Perkara 114 bagi memperluaskan keanggotaan SPR daripada lima kepada tujuh orang. Pada masa ini, SPR dianggotai seorang pengerusi, seorang timbalan dan tiga anggota.

Berdasarkan cadangan pindaan, SPR masih dianggotai seorang pengerusi dan seorang timbalan pengerusi, tetapi jumlah ahli lain ditambah kepada lima orang.

Tempoh perkhidmatan seseorang yang dilantik bagi menggantikan seorang senator yang sudah meninggal dunia atau tidak lagi memegang jawatan itu, turut dimasukkan dalam pindaan yang dicadangkan.

Mengikut peruntukan sedia ada, orang yang dipilih sebagai pengganti hanya boleh memegang jawatan itu selama baki tempoh jawatan orang yang digantikan.

Bagaimanapun, Fasal 4 dan 13 rang undang-undang itu mencadangkan supaya pengganti berkenaan dibenarkan memegang jawatan itu selama tiga tahun, iaitu tempoh penuh seorang senator selama satu penggal.

Dr Rais berkata, pindaan perlembagaan itu juga turut membabitkan Perkara 6 bagi membolehkan banduan dibenar menjalankan kerja khidmat sosial dan memperoleh pendapatan daripada tugas yang dijalankan itu.

"Jika pindaan itu diterima dan diluluskan, banduan boleh bekerja untuk memenuhi masa lapang yang tertentu, menjadi golongan yang produktif," katanya.

Perkara 6 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa keabdian dan kerja paksa adalah dilarang. Perkara 6 (1) menyebut tiada siapapun boleh ditahan sebagai abdi.

Perkara 6 (2) menyebut segala jenis kerja paksa adalah dilarang, tetapi Parlimen boleh dengan undang-undang membuat peruntukan bagi perkhidmatan kerahan bagi maksud negara, manakala Perkara 6 (3) menyebut kerja berkaitan dengan menjalankan hukum penjara yang dijatuhkan mahkamah tidak dikira sebagai kerja paksa dalam perkara itu.

Dr Rais berkata, dengan pindaan pada Perkara 6, banduan boleh membantu dalam kerja sosial dan ia tidak boleh ditakrif sebagai kerja paksa.

Beliau berkata, pindaan itu perlu dibuat kerana pada masa ini, tidak ada peruntukan yang jelas bagi membenarkan banduan menjalankan kerja sosial dan jika mereka berbuat demikian ia boleh dipertikaikan pihak tertentu.

Pindaan itu akan membolehkan banduan menjalankan pelbagai kerja yang membabitkan kumpulan, sama ada di luar atau dalam penjara dan ia menjadi kebiasaan di bawah perlembagaan.

Dr Rais berkata, pindaan juga akan dibuat kepada perlembagaan untuk menjadikan naskhah bahasa Melayu sebagai naskhah sah bahasa undang-undang bagi semua undang-undang di negara ini, termasuk perlembagaan.

"Pindaan perlembagaan ini akan memberi kesan yang amat baik kepada bahasa kebangsaan dan bahasa Melayu sebagai naskhah rasmi (undang-undang)," katanya.

Selain itu, katanya, pindaan Perkara 8 pula bertujuan memasukkan perkataan jantina untuk mengelakkan diskriminasi jantina.

Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan menyatakan tidak boleh ada diskriminasi terhadap warganegara atas alasan agama, ras, keturunan dan tempat lahir, melainkan jika dibenarkan oleh perlembagaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini berkata, pindaan itu bertujuan menentukan wanita mendapat hak sama dengan lelaki sebagai warganegara.

(END)